

BC Plus johan 'FKAL Labuan Closed Badminton Tournament 2019'

LABUAN: Pasukan BC Plus muncul johan dalam Pertandingan 'FKAL Labuan Closed Badminton Tournament 2019' baru-baru ini.

Pasukan itu yang dibarisi Shahbudin Burhanuddin, Muhd Amin Burhanuddin, Azli Ismail, Mohd Aldjufnie Basirin, Alwi Berahim dan Sunurdin Saleng, berjaya menundukkan Kitaru 'A' dalam pusingan akhir, melalui 2 kemenangan beregu terbuka mereka.

Sementara itu Pasukan UMS-KAL BC akur ditempat

ketiga, dalam kejohanan yang berlangsung selama dua hari itu.

Pasukan UMSKAL BC dibarisi Muhd Fakhrul Iman, Muhd Raziq Abdul Latip, Teo Chee Ping, Yee Kok Hong, Hazaimi Othman dan Kieran Lim Hong Xun.

Dengan kemenangan itu, BC Plus membawa pulang hadiah wang tunai RM400, Kitaru 'A' selaku naib johan menerima RM300 manakala UMSKAL BC yang menduduki tempat ketiga meraih RM250.

Hadiah kepada pemenang



DATUK Sri Goh (dua kanan) dan Dr Suzillah Sidek (dua kiri) bersama pasukan BC Plus yang menjuarai 'Labuan Closed Badminton Tournament 2019'.

disampaikan oleh penaja bersama, Dato' Sri Goh Sin Han yang juga ahli perniagaan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kejohanan itu dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), di Dewan DS Goh, Sungai Keling.

Turut hadir, Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Pelajar UMSKAL, Kieran Lim Hong Xun dan Timbalan Dekan HEP & Alumni FKAL UMSKAL, Dr. Suzillah Sidek.



FINALIS Pertandingan 'Labuan Closed Badminton Tournament 2019' bersama Datuk Sri Goh (kiri) dan Dr Suzillah Sidek (dua kiri).